



SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN GERAN KHAS PRIHATIN 1.0 & 2.0

1. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status pembayaran GKP 1.0 atau 2.0 adalah Gagal Kredit?

Sekiranya status pembayaran adalah Gagal Kredit, tuan perlu mengemaskini maklumat Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi di menu Kemas kini No. Akaun pada Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

Akaun bank yang dikemaskini hendaklah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan), berstatus aktif dan berdaftar menggunakan nombor kad pengenalan baharu pemohon.

2. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai akaun bank selain dari akaun bank yang telah saya daftarkan pada permohonan GKP 1.0 atau 2.0 sebelum ini?

Pemohon dikehendaki untuk membuat pengesahan dengan pihak bank berkaitan status aktif akaun bank tersebut dan akaun bank itu adalah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan).

3. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya gagal mengemukakan akaun bank simpanan/semasa untuk pembayaran GKP 1.0 atau 2.0?

Pemohon perlu mempunyai akaun bank simpanan/semasa kerana pembayaran GKP hanya dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank yang aktif sahaja.

4. Bilakah tarikh kemas kini maklumat Akaun Bank boleh dilakukan?

Tarikh kemas kini maklumat Akaun Bank boleh dibuat secara dalam talian di portal GKP adalah mulai 15 Februari 2021 hingga 15 Mac 2021.

5. Bilakah pembayaran semula akan dilakukan bagi status Gagal Kredit?

Pembayaran semula ke akaun bank yang telah dikemas kini dalam tempoh 15 Februari 2021 hingga 15 Mac 2021 akan dibuat mulai 25 Mac 2021.

6. Apakah status permohonan dan pembayaran GKP 1.0 dan GKP 2.0 apabila semakan mendapati masih gagal kredit selepas bayaran pada 25 Mac 2021 dilakukan?

Sekiranya status pembayaran GKP 1.0 atau 2.0 masih berstatus Gagal Kredit, pemohon dianggap Tidak Layak menerima GKP 1.0 atau 2.0 dan tiada lagi proses pengkreditan / pembayaran susulan yang akan dilakukan.

7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP?

Sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).

Kemas kini pada 30 Jun 2021